

**Saya boleh jadi 'jahat' bila perlu, kata Dr Mahathir
Malaysian Insider
19 September 2014
OLEH MUZLIZA MUSTAFA**

Kerajaan memerintah perlu dikritik sekiranya dasar yang digubalnya tidak memberi manfaat kepada negara, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata sebuah kerajaan yang dilantik sememangnya diharap melakukan perubahan kepada dasar dan undang-undang negara, tetapi ia harus juga dikritik sekiranya melakukan sesuatu yang tidak bermanfaat kepada negara.

"Selepas saya meletak jawatan, dasar dan undang-undang berubah, ini memang sudah dijangka. Mereka mahu tunjuk sumbangan mereka kepada negara.

"Tetapi, apabila mereka buat sesuatu yang tidak menyumbang kepada negara, seseorang perlu ingatkan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucapan pembukaannya pada Sidang Kemuncak Pembinaan Malaysia ke-6 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Beliau juga mengakui ada ketikanya boleh mengeluarkan kenyataan yang 'jahat' tetapi ia selalunya akan berakhir dengan keputusan yang baik.

"Bila perlu, saya akan jadi 'nasty.' Itu memang reputasi saya," katanya. – 19 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-boleh-jadi-jahat-bila-perlu-kata-dr-mahathir>